

PEMAKLUMAN KEPADA SEMUA PELAJAR UiTM CAWANGAN KELANTAN SESI OKT 2021 - FEB 2022

Pemakluman ini bertujuan bagi memaklumkan penambahan beberapa perkara di dalam pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP)

1

SOP KEMASUKAN PELAJAR

1. Memohon kemasukan ke kampus dengan mengisi tinjauan yang dikeluarkan oleh pihak HEA.
2. Pelajar yang hadir ke kampus perlu menetap di kolej kediaman.
3. Bayaran kolej kediaman adalah ditetapkan iaitu bayaran berdasarkan kapasiti bilik yang didiami oleh pelajar.
4. Pelajar perlu lengkap 2 dos vaksin dan telah cukup matang sahaja dibenarkan pulang ke kampus.
5. Individu yang menghantar pelajar ke kampus juga perlu lengkap 2 dos vaksin dan telah cukup tempoh matang.
6. Pelajar dari kampus cawangan lain yang ingin menumpang di kampus cawangan Kelantan perlu memohon secara rasmi kepada Rektor kampus.
7. Keputusan Jawatankuasa Operasi Bencana Shah Alam (JOBSA) berkaitan pengoperasian kemasukan pelajar bagi sesi Oktober 2021 – Februari 2022 seperti berikut:
 - Pelajar berkeperluan sahaja.
 - Pelajar perlu daftar di kolej kediaman yang disediakan berdasarkan keperluan khas.
 - Tidak perlu isolasi kecuali pelajar yang ada gejala/ kontak rapat.
 - Masalah pulang ke kampus boleh hubungi kampus dengan kerjasama MPP untuk menyediakan pengangkutan ke kampus.
 - Pelajar yang menginap di kampus tidak dibenarkan keluar/masuk kampus dengan bebas kecuali bagi kes-kes kecemasan sahaja.
 - Pelajar akan dibekalkan saliva self-test kit jika ada program di luar kampus.
 - Staf atau pekerja kontrak yang belum melengkapkan vaksin disarankan mendapatkan segera vaksin di PPV yang berdekatan.

2

SOP PENEMPATAN PELAJAR

SEBELUM

1. Membuat pengisytiharan kesihatan sebelum membuat permohonan kolej.
2. Mengisi permohonan kolej kediaman di portal pelajar.
3. Memuat naik sijil digital vaksinasi ke dalam borang permohonan kolej.
4. Menyediakan pelitup muka dan cecair pembasmi kuman yang secukupnya.

SELEPAS

1. Mematuhi laluan keluar/masuk yang telah ditetapkan.
2. Mengimbas kod QR semasa masuk dan keluar dari kolej
3. Membuat deklarasi harian saringan risiko COVID-19 pada setiap hari.
4. Digalakkan memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan.
5. Pastikan bilik sentiasa dalam keadaan bersih dan tong sampah ditutup bagi mengelakkan daripada gangguan haiwan.
6. Mematuhi penjarakan fizikal satu (1) meter pada setiap masa.
7. Elakkan bersalaman dan sentuhan badan dengan pelajar yang lain.
8. Kemudahan umum di kolej kediaman akan dihadkan bilangan pengguna.
9. Dilarang berkumpul di dalam bilik melebihi kapasiti bilik yang ditetapkan.
10. Digalakkan untuk tidak berkongsi barangan peribadi.
11. Mengamalkan 3W dan mengelakkan 3S pada setiap masa.



3

SERVIS PENGHANTARAN MAKANAN (COD) & DROP POINT

- Beroperasi dari jam 8.00 pagi - 10.00 malam.
- Kaedah penghantaran tanpa sentuh (contactless delivery).
- Bayaran secara atas talian sahaja
- Penyedia perkhidmatan seperti Food Panda, Grab Food, pengendali makanan dan kedai runcit di dalam kampus dibenarkan membuat penghantaran.
- Ibubapa/penjaga yang hendak menghantar barang kepada pelajar boleh menggunakan perkhidmatan kurier/rider.
- Penghantar makanan/barang (rider) akan meletakkan makanan/barang di atas meja di 'drop point' yang telah disediakan.
- Pelajar perlu segera mengambil makanan/barang seurus menerima panggilan/pesanan daripada penghantar.



4

LAWATAN IBU-BAPA/ WARIS PELAJAR

Ibu-bapa/waris pelajar tidak dibenarkan melawat pelajar sepanjang tempoh semester kecuali bagi kes-kes kecemasan sahaja.

5

AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan secara Open and Distance Learning (ODL), namun PdP bersemuka dibenarkan hanya kepada pelajar yang wajib hadir bengkel sahaja.



6

PERGERAKAN KELUAR DAN MASUK PELAJAR

Tiada sebarang pergerakan keluar dan masuk pelajar dalam kampus kecuali bagi kes-kes kecemasan sahaja.

7

AKTIVITI SUKAN DI DALAM KAMPUS

Sebarang aktiviti sukan yang tidak bersentuhan dibenarkan.



8

PELAJAR NR

- Semua pelajar NR yang ingin menggunakan kemudahan Universiti hendaklah menginap di kolej kediaman.
- Semua pelajar yang menginap di rumah sewa/kediaman keluarga, mereka tidak dibenarkan memasuki kampus.
- Semua pelajar dinasihatkan agar terus mematuhi SOP Keselamatan COVID-19 walaupun sudah mendapat 2 dos suntikan vaksin.
- Kebajikan Pelajar NR masih lagi di bawah tanggungjawab UPNR bagi pelajar yang berdaftar dengan UPNR.

9

SOLAT JUMAAT



Pelajar diminta supaya solat fardhu Zohor sebagai ganti solat Jumaat di kolej masing-masing dan keputusan selanjutnya akan diberitahu kemudian.



10

BAWA KENDERAAN SENDIRI

Pelajar yang menetap di kolej kediaman dibenarkan membawa motosikal atau kereta sendiri dan perlu mematuhi syarat yang ditetapkan kemudian.



11

TARIKH KUATKUASA

Berkuatkuasa pada 01 OKTOBER 2021 dan keputusan ini tertakluk kepada pindaan/pengumuman oleh kerajaan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Pekeliling Naib Canselor UiTM dari masa ke semasa.

SUMBER:

JAWATANKUASA OPERASI BENCANA NEGERI (JOBN)
UiTM CAWANGAN KELANTAN
30 SEPTEMBER 2021